

544:  
MAHATHIR

1974

KUALA LUMPUR, 11 NOV. (BERNAMA) -- MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED, HARI INI MENJELASKAN, KENYATAANNYA MENGENAI PANDANGAN +LAPUK+ PELAJAR NEW ZEALAND DAN AUSTRALIA PADA HARI SABTU LALU TIDAK DITUJUKAN KEPADA PELAJAR MALAYSIA YANG BERADA DI KEDUA-DUA NEGERI ITU.

BELIAU MEMBERITAHU BERNAMA, KENYATAAN ITU DITUJUKAN KEPADA PELAJAR-PELAJAR RAKYAT AUSTRALIA DAN NEW ZEALAND SENDIRI YANG BELAJAR DI UNIVERSITI-UNIVERSITI DI NEGERI-NEGERI ITU.

MENURUTNYA, PELAJAR-PELAJAR ITU TELAH MELAHIRKAN PERHATIAN BERAT TERHADAP APA YANG BERLAKU DI MALAYSIA.

+ULASAN INI DIBUAT KERANA ADANYA PENERBITAN-PENERBITAN PELAJAR DI AUSTRALIA DAN NEW ZEALAND YANG DIWAKTU AKHIR-AKHIR INI, AMAT KRITIKAL DENGAN HAL EHWAL MALAYSIA.+  
-- BERSAMBUNG 1330/ZCM

123

545:  
MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

PADA HARI SABTU LALU, DR. MAHATHIR TELAH MENEKUR PELAJAR-PELAJAR AUSTRALIA DAN NEW ZEALAND KERANA +TERLALU BERSEEDIA MENDENGAR KECAMAN YANG DITUJUKAN KEPADA KERAJAAN MALAYSIA.+

PELAJAR-PELAJAR ITU DENGAN SIKAP KONONNYA MENGAMBIL BERAT HAL EHWAL DALAM NEGERI MALAYSIA +MENGINGATKAN KEMBALI TENTANG PEGAWAI-PEGAWAI PENJAJAH YANG BERPENDAPAT JIKA MALAYA MERDEKA IA AKAN BANCUR.+

DR. MAHATHIR MEMBUAT PENJELASAN INI KERANA BELIAU BERPENDAPAT MUNGKIN KENYATAANNYA PADA HARI SABTU ITU MENGELIRUKAN. -- BERNAMA 1333/ZCM